

## UPM perkenal dua varieti baharu padi

Ogos 15, 2023 @ 2:11pm



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (tengah) memetik buah "Sun Melon" ketika melawat ruang pameran pada Majlis Perasmian Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 di Universiti Putra Malaysia (UPM), hari ini.

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini memperkenalkan dua jenis varieti padi baharu iaitu Padi Putra 1 dan Padi Putra 2 yang dijangka memberi hasil tinggi kepada pesawah dan meningkatkan hasil padi negara.

Kedua-dua varieti padi berkenaan hasil usaha sulung UPM dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sempena Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 anjuran UPM, bermula hari ini hingga esok.

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (Itafos) UPM, Prof Dr Mohd Rafii Yusop, berkata Padi Putra 1 dan Padi Putra 2 telah melalui penyelidikan selama sembilan tahun serta mendapat pengesahan dan kelulusan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi dikomersialkan serta ditanam oleh pesawah seluruh negara.

Beliau berkata, kedua-dua varieti padi berkenaan mampu menghasilkan antara lapan hingga 12 tan padi bagi setiap satu hektar tanah semusim atau 105 hari sehingga hari penuaian.

"Padi ini mula ditanam di barat laut Selangor dan di Kawasan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara sejak dua tahun lepas dan pesawah mula menerima hasilnya," katanya kepada BERNAMA di sini, hari ini.

Mohd Rafii berkata, padi itu juga mula dikomersialkan oleh sebuah syarikat dan dijual di bawah skim subsidi.

Selain itu, katanya, Itafos juga sedang menjalankan penyelidikan bagi mencipta varieti padi baharu dan tanaman lain.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Mohd Roslan Sulaiman, berkata persidangan yang julung kali diadakan itu adalah manifestasi Pelan Strategik UPM 2021-2025, iaitu untuk mengukuhkan agenda sekuriti makanan negara menerusi pembabitan universiti dan komuniti.

Beliau berkata, UPM telah diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menerajui penyelidikan dalam bidang pertanian dan optimis universiti itu akan turut membantu usaha kerajaan dalam menoktahkan kemiskinan dan meningkatkan keterjaminan makanan.

Persidangan itu akan membincangkan isu sekuriti makanan dalam negara secara intensif serta bertujuan membentuk kerjasama antara institusi awam dan swasta ke arah mencapai pertanian lestari dan kestabilan sekuriti makanan.

Bertemakan 'Kelestarian Produktiviti Makanan Negara', persidangan itu menghimpunkan lebih 400 peserta dalam kalangan penggubal dasar, ahli akademik, penyelidik dan usahawan yang akhirnya akan menghasilkan satu kertas resolusi agenda keterjaminan makanan untuk diserahkan kepada KPKM.— BERNAMA